



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

BELANJAWAN 2024 MENEPA TI TERAS MEMBUDAYAKAN DAYA CIPTA MALAYSIA MADANI

**MOSTI teruskan peranan memperkasa inovasi,
memacu wawasan menjadi negara berteknologi tinggi**

PUTRAJAYA, 14 Oktober 2023 – Belanjawan 2024 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menepati hasrat kerajaan perpaduan untuk mengubah masyarakat Malaysia daripada masyarakat pengguna semata-mata kepada masyarakat yang aktif menyumbang dan mencorak revolusi digital dan teknologi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Chang Lih Kang, yakin Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan berupaya untuk meneruskan peranannya dalam menjayakan wawasan negara berteknologi tinggi.

Dalam hal ini, YB Menteri menyatakan bahawa keprihatinan YAB Perdana Menteri untuk membawa Malaysia bergerak pantas dalam menerajui sains, teknologi dan inovasi, termasuk menguasai bidang kecerdasan buatan (AI), adalah langkah bijak dengan menjangka cabaran mendatang dan mahu mempersiapkan negara ke hadapan.

YB Chang Lih Kang turut berkata, AI adalah "alat" untuk teknologis, syarikat pemula dan orang ramai melonjakkan penguasaan mereka dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Sekali gus akan dapat mempercepatkan kemajuan negara.

Tambah beliau, Belanjawan 2024 juga akan membolehkan usaha MOSTI terus menyediakan ekosistem sains, teknologi dan inovasi yang telah dirancang. MOSTI akan terus memacu syarikat pemula (*startup*) tempatan untuk maju dan memperkukuh rantaian teknologi bernilai tinggi.

Menurutnya, selaras dengan tumpuan MOSTI untuk melaksanakan program dan aktiviti yang memberi manfaat besar kepada rakyat, pelbagai rancangan memperkasa inovasi termasuk inovasi sosial di kalangan komuniti di peringkat akar umbi akan dilaksanakan, untuk dikembang menjadi peluang meningkatkan pendapatan isi rumah.

MOSTI akan terus melaksanakan peranannya dalam memperkasa inovasi di kalangan industri dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E), robotik, dron dan angkasa. Demikian juga bidang nanoteknologi, bioteknologi, teknologi hidrogen dan teknologi nuklear aman selaras dasar-dasar yang telah dilancarkan, katanya.

Pengumuman YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengenai penubuhan Jawatankuasa Khas Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) rentas kementerian bakal memantapkan persiapan negara untuk terus melahirkan modal insan yang mampu meneruskan kemajuan bidang sains, teknologi dan inovasi pada masa hadapan, ujar Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Chang Lih Kang.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

14 Oktober 2023